

10/02/2001

Pas restui pertemuan kedua jawatankuasa teknikal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pas hari ini merestui pertemuan kedua jawatankuasa teknikal parti itu dan Umno selepas bersetuju dengan hasil pertemuan pertama semalam.

Presidennya, Datuk Fadzil Noor, berkata beliau sudah mendengar taklimat dan membenarkan Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa untuk mengadakan pertemuan berkenaan.

"Pertemuan kedua akan diadakan dalam tempoh terdekat dan akan ditetapkan oleh kedua-dua jawatankuasa teknikal," katanya ketika dihubungi di Alor Star, hari ini.

Pertemuan kedua jawatankuasa teknikal difahamkan akan diadakan Khamis ini.

Fadzil yang juga Ahli Parlimen Pendang mengulas persetujuan beberapa perkara asas bagi pertemuan beliau dengan Presiden Umno untuk membincangkan isu perpaduan.

Hasil pertemuan kedua itu akan dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pas Pusat, 18 Februari ini.

Semalam, jawatankuasa teknikal Umno dan Pas bersetuju beberapa perkara asas, termasuk agenda perbincangan, tempat dan masa pertemuan serta jumlah perwakilan.

Persetujuan itu dicapai dalam perbincangan selama lebih tiga jam antara wakil Umno diketuai Setiausaha Agungnya, Tan Sri Khalil Yaakob dengan Nasharudin yang mengetuai wakil Pas.

Sementara itu difahamkan, Khalil pagi ini memberi taklimat kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai hasil pertemuan perwakilan jawatankuasa itu semalam.

Taklimat kepada Dr Mahathir yang juga Pengerusi Biro Politik Umno turut disertai Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Dusuki Ahmad.

Berikutan itu, Khalil kini menyiapkan laporan mengenai hasil pertemuan jawatankuasa Umno-Pas untuk dimaklumkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, esok.

Di KOTA BHARU, pemimpin Umno Kelantan yakin pertemuan Umno dan Pas akan menjadi kenyataan berikutan persetujuan asas bagi membincangkan isu perpaduan Melayu antara dua parti itu.

Naib Ketua Umno bahagian Kota Bharu, Datuk Wan Abdul Ghani Wan Yusuf, berkata Pas menunjukkan kesungguhan terhadap pelawaan Umno dalam membincangkan isu berkenaan bagi membina suasana lebih harmoni ke arah memupuk persefahaman berterusan di kalangan masyarakat Melayu.

Katanya, persetujuan antara wakil Umno yang diketuai Khalil dan Nasharudin semalam adalah petanda positif ke arah usaha itu.

"Saya yakin penyatuan perpaduan Melayu hasil usaha Umno sudah menampakkan hasil jelas apabila wujudnya sikap keterbukaan pemimpin Pas," katanya.

Naib Ketua Umno Machang, Yaakub Muhammad, pula berkata Umno banyak berkorban dalam mempelawa Pas berunding bagi perpaduan Melayu, termasuk dikritik oleh sesetengah pihak yang tidak menyenangi usaha itu.

"Perbincangan bersama itu akan menghasilkan kejayaan yang boleh mengukuhkan hubungan rakyat di negeri ini," katanya.

(END)